

CNS0419

U GB 10-07 00191 BA273

Aab

Mahathir - RM6

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Rancangan Malaysia Keenam (RM6) memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti melalui kecekapan penggunaan sumber dengan kos yang rendah untuk meningkatkan daya saing negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, selaras dengan itu kerajaan akan mengenal pasti nilai etika yang sesuai dan mendirikan pusat-pusat latihan terutama untuk Bumiputera bagi memupuk nilai-nilai itu.

+Untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih produktif dan boleh menyesuaikan diri untuk meningkat daripada masyarakat tani kepada masyarakat perindustrian dan yang maju, nilai yang sesuai perlu dikenal pasti dan dipupuk terutama di kalangan generasi muda,+ katanya semasa membentangkan usul mengenai RM6 di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, unsur yang penting dalam kejayaan seseorang individu atau negara ialah nilai etika yang mempengaruhi kehidupan harian, terutama di tempat kerja.

+Andaian bahawa nilai etika itu telah sedia tersemat dalam diri seseorang atau diwarisi daripada ibu bapa atau melalui pendedahan dalam masyarakatnya, adalah kurang tepat,+ kata beliau dan menambah bahawa nilai perlu disemai dengan bersungguh-sungguh kepada masyarakat melalui cara formal atau tidak formal. -- Lagi.

♥10/07/16-30MST

CNS0459

U GB 10-07 00140 BA276

Aab

Mahathir - RM6 2 Kuala Lumpur

Tambahnya, adalah kurang tepat jika dianggap nilai yang dihayati sekarang baik dan betul dan sekiranya diganti akan merosakkan budaya.

RM6 yang meliputi tempoh 1991-1995 merupakan bahagian pertama daripada Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP Ke-2) yang menggariskan dasar pembangunan negara sehingga tahun 2000.

Dalam ucapan kira-kira satu-setengah jam itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi meninggikan produktiviti, aspek teknologi, kemahiran keusahawanan dan kualiti pekerja dan pengurusan perlu dipertingkatkan.

Katanya, penekanan akan diberi ke arah meningkatkan penggunaan sains dan teknologi dan meluaskan kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan tenaga manusia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata strategi-strategi untuk pelbagai sektor ekonomi akan ditumpukan ke arah mempelbagaikan aktiviti setiap sektor kepada aktiviti yang lebih produktif dan menghasilkan nilai ditambah yang lebih tinggi. -- Lagi.

♥10/07/17-07MST

CNS0461

U GB 10-07 00150 BA277

Aab

Mahathir - RM6 3 Kuala Lumpur

Katanya, perkembangan sektor pembuatan akan menjadi teras utama kepada pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi dalam tempoh RM6.

Sektor pembuatan dijangka menyumbang sebanyak 32.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 1995, mengekalkan kedudukannya sebagai sektor yang terbesar.

Perdana Menteri berkata prospek ekonomi negara adalah cerah pada kadar pertumbuhan 7.5 peratus setahun mengikut nilai sebenar, berbanding dengan 6.7 peratus dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Perdana Menteri berkata walaupun ekonomi telah bertambah kukuh, rakyat tidak harus berpuas hati, sebaliknya perlu terus berusaha dengan lebih pesat untuk mencapai +matlamat yang telah kita tetapkan sendiri+.

+Satu-satu matlamat itu lebih mudah dicapai di peringkat permulaan ketika asasnya adalah kecil.

+Walaupun bagaimanapun, apabila asasnya menjadi semakin besar, semakin sukarlah kita untuk mengekalkan kemajuan itu melainkan jika kita mencurahkan segala usaha dan tenaga,+ katanya. -- Lagi.

♥10/07/17-07MST

CNS0467

R GB 10-07 00116 BA279

Aab

Mahathir - RM6 4 Kuala Lumpur

Menurutnya, rakyat Malaysia daripada segenap lapisan yang telah memberi sumbangan ke arah kejayaan yang dicapai selama ini boleh berasa bangga dengan pencapaian itu.

+Kita harus sedar bahawa kita telah dapat membina asas sosio-ekonomi dan infrastruktur bagi negara. Oleh itu untuk terus maju, kita perlu menggunakannya dengan cara yang lebih efisien dan dengan sepenuhnya,+ kata beliau.

+Saya menggesa semua rakyat Malaysia supaya bekerja dengan lebih tekun serta meningkatkan produktiviti dan daya usaha untuk menghadapi cabaran yang akan datang,+ katanya.

Usul itu disokong oleh Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga Menteri Perusahaan Utama. -- Bernama.

♥10/07/17-10MST